

22/06/1998

Imej Pemuda Umno tidak terjejas

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan beliau tidak mengambil kira perkara yang sudah berlalu meskipun isu nepotisme dan kronisme dibangkitkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pada perhimpunan agung pergerakan itu, Khamis lalu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menasihatkan Zahid supaya menggunakan saluran parti jika Pergerakan Pemuda ingin membawa sesuatu isu pada masa depan.

"Yang lepas itu saya tidak ambil kira sangat, saya tidak membuat apa-apa tuduhan, saya cuma terangkan ada saluran parti yang boleh digunakan.

"Ini juga bukan soal maaf kerana kita dalam parti tahu masing-masing punya peranan. Sebab itu saya memberi penjelasan kerana kita kira dia baru dalam MT (Majlis Tertinggi) dan mungkin tidak begitu faham mengenai kegunaan MT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta penjelasan mengenai tindakan yang mungkin diambil ke atas Zahid kerana tetap membawa usul nepotisme dan kronisme ke Perhimpunan Agung Pemuda, walaupun selepas dinasihatkan jangan berbuat demikian.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata: "(Tindakan Zahid) Boleh ditafsirkan sebagai itu (bertentangan nasihat diberi), tetapi menjadi tanggungjawab saya memberi penjelasan mengenai maksud saya dan saya fikir sekarang semua pihak sudah faham bahawa ada saluran dalam parti yang harus digunakan."

Ditanya kemungkinan imej Pemuda Umno terjejas berikutan tindakan Zahid itu, beliau berkata: "Terpulang kepada Pemuda, kalau mereka sudah sedar bahawa ada cara lain untuk memajukan pendapat, mereka boleh menggunakan cara lain. (Dengan cara itu) Imej mereka tidak akan terjejas."

Beliau juga menolak dakwaan bahawa ahli MT daripada barisan Pemuda Umno, tidak berani menyuarakan perasaan tidak puas hati dalam mesyuarat MT.

"Semua berani, tetapi pada tempat tertentu. Kalau kita tidak dapat bersuara di dalam, kita harus bersuara di luar.

"Tetapi, selagi kita boleh dan kita mempunyai tempat di dalam, kita harus menggunakan tempat di dalam (MT).

"Ini kerana kalau kita selalu menyuarakan di luar, sedangkan kita memegang jawatan tertentu di dalam, ia akan memberi kesan yang buruk kepada parti," katanya.

Menjawab soalan mengenai kemungkinan isu nepotisme dan kronisme ini akan terus menjadi topik perbincangan rakyat negara ini, Dr Mahathir berkata: "Selagi MT bersatu padu, mereka yang bercakap di luar ini kita boleh jelaskan. Sudah tentu mereka akan bercakap, tetapi kita boleh terangkan bahawa pendapat mereka tidak ada asas."

Sementara itu, Zahid ketika ditemui pemberita enggan mengulas reaksi Dr Mahathir dalam ucapan penggulangannya itu.

Zahid yang dipercayai cuba mengelak daripada ditemui wartawan, dilihat keluar dari pintu sisi Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bersama beberapa orang, termasuk Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda, Saifuddin Nasution.

Beliau hanya mengucapkan 'okay' kira-kira 10 kali, ketawa dan tersenyum sambil bergegas ke kereta.

(END)